

INSAFLAH...! JIKA MAU INSAF

“Wā ‘adiddū lahum māstaṭā‘atum min quwwatin wamin ribā‘i al-khayli turhibūna bihi ‘aduwwa Allāh wa ‘aduwwakum wa ākharīn min dūnihim, lā ta‘lamūnahum, Allāh ya ‘lamuhum.....” (60, al-Anfāl)

Ertinya: “persediakanlah bagi mereka (musuh), sekadar daya upaya kamu, kekuatan peperangan dan askar-askar yang berkuda, untuk menggerunkan dengannya musuh Allah dan musuh kamu dan orang-orang yang lain yang kamu tidak ketahui, sedang Allah mengetahuinya....”

UCAPAN HARI RAYA PERTUBUHAN ISLAM SELANGOR

Di bawah ini kita siarkan dengan penuh ucapan hari raya pertubuhan Islam Selangor di dalam siaran warta beritanya, iaitu ucapan yang telah diringkaskan oleh sebuah akhbar tempatan di sini dengan suatu cara, menurut pandangan kita, disengaja supaya ucapa itu dengan cara ringkasannya menjadi tumpuan bidasan orang ramai kepada pertubuhan itu. Dengan beberapa cara-cara lagi yang disiarkan oleh akhbar itu maka kita bolehlah mengambil kesimpulan bahawa cara dan langkah akhbar itu dari satu ke satu masa meruntun supaya pertubuhan Islam itu dibenci oleh orang ramai, dan berita-berita yang memburukkan Islam yang tidak patut menjadi siaran dibesar-besarkan. Apakah tujuan ini?! Orang-orang Islam yang tenang fikirannya tentu terasa bahawa perbuatan yang demikian itu dapat dipandang sebagai “menghina” kepada Islam atau sengaja mencari-cari jalan supaya nampak keburukannya - apalagi jika sebuah pertubuhan yang terasa gerun olehnya di dalam langkahnya menyatukan umat Islam supaya insaf akan untung nasibnya – pengarang.

Allahuakbar, pada hari raya ini umat Islam di seluruh dunia bergembira merayakan hari raya aidilfitri. Sukacitanya kaum muslimin pada hari ini ialah disebabkan kerana mereka telah memenangi satu perjuangan yang berlanjutan satu bulan lamanya. Perjuangan itu telah berakhir dengan kemenangan umat Islam dan kekalahan di pihak iblis dan syaitan serta sekalian tali barutnya yang sentiasa bekerja siang dan malam mengabui, menipu dan mengecewakan tiap-tiap mukmin di dalam segala segi perjuangannya.

Allahuakbar, kemenangan yang tersebut di atas itu kita capai dengan tiga keyakinan yang besar pengaruhnya. Pertama kepercayaan kita yang tidak berbelah bagi kepada Allah dan

rasulNya, kedua bantuan taufik dan hidayah daripada Allah yang Maha Kuasa; dan ketidanya kesabaran kita menderita, tabah dan cecal melakukan perintah-perintah Allah yang Maha Suci itu. Tiga faktor yang tersebut adalah menjadi satu senjata yang tajam bagi tiap-tiap mukmin bagi menentang iblis syaitan dan segala penyokong-penyokongnya. Tiga perkara itu juga menjadi senjata batin yang amat penting bagi tiap-tiap pertubuhan Islam untuk memenangi usaha perjuangan pada hari ini.

Allahuakbar, tiap-tiap ahli pertubuhan Islam Selangor, seterusnya tiap-tiap mukmin – seluruh persekutuan tanah Melayu mestilah mengatahui bahawa politik itu bukanlah hak

kepunyaan satu-satu kaum atau satu-satu pertubuhan yang tertentu bahkan tiap-tiap seorang manusia berhak berpolitik, tiap-tiap seorang berhak menjalankan usaha-usaha perjuangan politiknya mengikut pendapat sendiri-sendiri. Tegasnya politik itu bukanlah hak milik pemimpin UMNO sahaja yang telah mencuba hendak memonopoli politik itu dan melarang orang lain mengeluarkan pendapatnya mengikut segi politik.

Allahuakbar, pertubuhan Islam Selangor memang tidak tahu cara perjuangan pertubuhan politik yang dianjurkan oleh pemimpin UMNO itu. Dalam masa hati bergembira membela nusa dan bangsa penyokong-penyokongnya menepuk-nepuk dada dan berkata redha masuk neraka asalkan untuk kemajuan bangsa. Dalam masa udara penuh semangat yang berkobar-kobar itulah cadangan loteri UMNO diterima oleh persidangan, tetapi bila masa perjuangan meningkat menjadi genting pertubuhan politik itu dengan rasa khusyuk serta penuh keinsafan pula bersetuju mengadakan sembahyang hajat kepada Allah meminta pertolongannya. Rupanya dalam masa semangat mualah-mualaf Allah dibelakangkan, loteri dihalalkan dan seterusnya dilanjutkan dari satu masa ke satu masa. Mengadakan sandiwara perkara biasa, akan tetapi pula dalam masa genting dan kecemasan bertelut menghadapi yang dibelakangkan tadi. Daripada cara perjuangan yang seperti itu umat Islam di Malaya tahu dan mengerti berapa nilai harga Islam di sisi pemimpin UMNO dan pertubuhannya. Pemimpin itu telah memerintahkan pertubuhan Islam supaya menjaga hal-hal agama sahaja. Atas hal ini kita suka menegaskan bahawa memanglah kewajipan pertubuhan Islam Selangor menjaga dan membela hal-hal agama daripada orang-orang yang tidak jujur terhadapnya, yang menjadikan agama itu suatu alat untuk mencapai maksudnya dan membesarkan pengaruhnya. Pertubuhan Islam akan mengingatkan tiap-tiap orang, tiap-tiap pertubuhan supaya jangan mempermain-mainkan hukum-hukum agama Islam. Janganlah yang hitam itu

diputuskan dengan suara ramai dikatakan putih. Kita suka lagi menegaskan di sini bahawa memanglah kewajipan dan tugas pertubuhan Islam menjaga hal-hal agama Islam dan memandang Islam dengan kaca mata Islam menurut pengertian yang luas. Pertubuhan Islam tidak dapat menerima faham dan pendapat yang Islam itu terbatas setakat sembahyang hajat sahaja.

Allahuakbar, pertubuhan Islam tetap bimbang kerana Islam tidak akan terjamin. Belum pun Malaya mendapat pemerintahan sendiri sudah pun ada pertubuhan yang mempermain-mainkan agama Islam. Harus lebih kecewa lagi sekiranya sebahagian besar kekuasaan negeri ini terenggam di tangan dua pertubuhan yang bukan Islam di Malaya ini kelak, dalam pada itu pegawai-pegawai tinggi sebagai pentadbir-pentadbirnya terdiri daripada orang-orang yang bukan Islam atau orang-orang Islam yang hanya baka sahaja.

Allahuakbar, secara zahirnya umat Islam di Indonesia tentu merasa senang hati tentang kedudukan Islam dalam masa kemerdekaan sekarang. Tetapi umat Indonesia yang 90 peratus beragama Islam terbit setelah kemerdekaannya sekarang dalam keadaan kebimbangan atas kedudukan Islam dan perkembangannya. Parti-parti Islam sama ada Musyami dan lain-lainnya telah melahirkan rasa kebimbangan mereka terhadap orang-orang yang tidak jujur kepada Islam dan juga parti-parit yang bukan berdasar Islam, yang mana kekuasaan agama dipegang oleh mereka itu. Rasa kebimbangan itu semakin memuncak apabila presiden Sukarno baharu-baharu ini di dalam satu ucapannya telah menyatakan sikapnya terhadap negara Islam. Apakah agama yang dituduh oleh Sukarno? Tidakkah Sukarno pernah mempelajari Islamisme daripada Kiyai Hasan Bandung? Apakah tujuan pidato itu untuk memperkuat kedudukan Islam di Indonesia atau untuk mengecewakan cita-cita 90 peratus umat Islam di Indonesia yang berhasrat supaya Indonesia menjadi satu negara Islam merdeka.

Allahuakbar, orang-orang yang berfaham kebangsaan 100 peratus

termasuk orang yang tidak jujur kepada Islam memang tidak menaruh apa-apa kebimbangan berkenaan Islam di Malaya. Harus boleh jadi kerana mereka berperasaan tidak bertanggungjawab atas Islam ataupun mereka sememangnya tidak mengingini kalimah Allah *hiya al-'ulyā*. Kata-kata yang berbunyi bahawa agama tidak boleh dicuri orang tetapi negeri boleh hilang itu adalah diakui benarnya. Oleh sebab agama itu bukan mata benda yang boleh dicuri atau disamun, tetapi patut disedari oleh tiap-tiap orang bahawa agama itu pun boleh juga hilang kerana agama ialah keyakinan dan kepercayaan. Bukankah banyak kedapatan orang-orang yang hilang kepercayaan kepada agama Kristian atau budaya lantas menganut agama Islam? Ada pula orang-orang Islam yang hilang keimanannya kepada Allah lantas membelakangkan perintah-perintah Allah dan melakukan tegahan-tegahan-Nya.

Allahuakbar, di sini kita suka mendatangkan pertanyaan, adakah pendidikan di sekolah-sekolah kebangsaan itu kelak boleh jadi jaminannya bahawa Islam tidak akan malap dan pupus? Adakah pelajar-pelajar keluaran sekolah-sekolah Inggeris dan penuntut-penuntut lepasan universiti-universiti itu celik berkenaan Islam atau sekurang-kurangnya berjiwa Islam? Pada umumnya pendidikan yang ada di tanah air kita sekarang bukanlah mempertebal serta memperkukuh kepercayaan seseorang kepada Islam tetapi sebaliknya dari semasa ke semasa menipiskan iman dan Islam seseorang. Pendidikan sekarang adalah menyemai dan menanamkan faham sempit berkenaan Islam ke dalam sanubari penganjur-penganjur, pemimpin-pemimpin, orang besar-besar, pegawai-pegawai pertadbiran dan pemuda pemudi iaitu bahawa Islam itu hanya sembahyang, puasa, haji sahaja. Bahkan juga faham Islam yang sangat sempit itu subur di kalangan orang Islam yang dikatakan kaum cerdik pandai maka tidaklah silap kita jika ada orang-orang yang berang dan marah jika kita persoalkan Islam itu dari segala seginya.

Allahuakbar, sekalian orang yang beriman diingatkan semula firman Allah dalam kitab suci-Nya yang bermaksud

orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasrani termasuk tali barut-tali barutnya tidak akan bersenang hati sehingga umat Islam jadi Yahudi atau jadi Nasrani. Umat Islam di Malaya diingatkan juga bahawa perjuangan Rasulullah *ṣalla Allāh 'alaihi wa sallam* dalam menegakkan Islam adalah mendapat tentangan yang hebat dari kaum bangsanya yang musyrikin dan juga mendapat pengkhianatan dan rintangan dari kaumnya yang munafik.

Sebagai penutup, dalam masa kita merayakan aidilfitri ini marilah kita memperkuat perikatan kita, marilah kita memperkukuh perpaduan kita. Perkuatkanlah semangat kita dalam perjuangan menegakkan agama Allah Yang Maha Suci, kita pasti memenangi perjuangan agama. Kerana Allah telah berjanji dalam al-Quran al-Karim, jika kamu menolong menegakkan agama Allah pastilah Allah menolong kamu dan menetapkan pendirian kamu.

Bahawa dengan inilah saya Abdullah Mubarak al-Muṣli nombor 192 Geylang Serai Singapura mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tabib Mustafa yang tersebut di bawah ini atas jasanya menyembuhkan penyakit buasir yang saya mengidap sekira-kira sepuluh tahun dengan tidak dipotong. Saya dengan hormat mengesyorkan sekalian yang mengidap penyakit buasir mendapatkan dan berubat dengannya.



TABIB H.G. MUSTAFFA,
Punjab Medical Hall,
280, Victoria Street, Singapore 7

(sambungan dari muka 5)


pemerintah Indonesia diberi supaya jangan ada halangan-halangan di pihak sendiri.”

Akhirnya Kiyai Hasan pergi, dengan masing-masing sahabat handainya berdoa atas keselamatannya. Kiyai Hasan meriwayatkan bahawa di dalam masa itu (1950) setelah lewat kawasan-kawasan pemerintahan Indonesia maka ia pun berjalan lebih kurang tiga jam memasuki kawasan Dār al-Islām.

Setiba di suatu tempat akhirnya ia telah disapa oleh orang-orang Dār al-Islām yang rupanya mereka kenal kepada Kiyai Hasan yang suka bertabligh di mana-mana tempat di Jawa Barat itu, sedang Kiyai Hasan sendiri tidak mengenal mereka itu.

Sementara Kiyai Hasan menunaikan sembahyang maka orang-orang tempatnya singgah itu menyiapkan makanan dengan lauk ayam yang dimasak dengan segera oleh mereka itu.

Setelah ditanya hajat-hajat Kiyai Hasan maka orang-orang daerah itu menghantarkan Kiyai Hasan ke daerah yang lain dan orang-orang daerah itu pula membuat dan menghantarkannya ke daerah yang lain dan apabila di dalam perjalanan itu bertemu dengan lopak-lopak maka orang-orang yang membawa Kiyai Hasan itu mendukung Kiyai Hasan melepaskan lopak itu. Akhirnya Kiyai Hasan sakit kaki dan kerana itu mereka membuat kerusi untuk Kiyai Hasan duduk lalu mengusungnya. Di dalam perjalanan



Sebahagian daripada ulama-ulama yang hadir dalam perjumpaan di rumah Tuan Mohammad Natsir kerana merundingkan masalah Dār al-Islām.

itu kerap kali berjumpa dengan jalan buntu. Pembawa Kiyai Hasan kemudian membuka jalan buntu itu lalu mendapati jalan yang lain dan sebelum meneruskan perjalanan mereka tutup lagi jalan yang buntu itu.

Dua hari dalam perjalanan baharulah ia sampai ke markas (pejabat besar) Dār al-Islām. Pada masa itu Kartosoewirjo (yang disebut mereka imam) tidak ada di sana kerana mengelolakan suatu perjuangan sedang menteri-menterinya ada di antaranya dua orang murid Kiyai itu sendiri. Tiga hari lamanya menunggu di sana Kartosoewirjo tidak juga balik dan sebab itulah Kiyai Hasan terpaksa balik dengan membawa hanya suatu kenyataan pihak Dār al-Islām sedia berdamai dengan syarat bahawa kedudukan mereka diakui sebagai sebuah kerajaan.

Dengan tuntutan yang demikian itu sudah tetap tidak dapat diterima dan dengan itu tidak dapat didamaikan. Tetapi ikhtiar-ikhtiar tidak putus-putus dijalankan meminta supaya orang-orang Dār al-Islām keluar ke dalam masyarakat dengan mereka diterima sebagai warganegara Indonesia dan diberi kebebasan.

Banyak mereka yang telah keluar tetapi dengan kerana dendam-dendam yang tersebut di atas maka mereka yang keluar yang diberi janji tidak akan diganggu itu dan diberi pertolongan untuk hidup bersama-sama di dalam masyarakat diterima oleh pihak tentera T.N.I. dengan sebaliknya dan khabarnya banyak mereka yang disiksa dengan berbagai-bagai seksaan dan ditahan dalam tempat tahanan-tahanan tentera yang diberi kuasa dengan kuasa-kuasa tentera. Dengan kejadian-kejadian itu sebahagian daripada mereka yang dapat lari masuk ke hutan balik dan mengadakan perlawanan semula serta menyampaikan kejadian dan pengakuan-pengakuan yang “palsu” itu.

Kemudian sekali lagi ulama-ulama diminta mengadakan ikhtiarnya dan suatu mesyuarat telah diadakan di rumah tuan Mohammad Natsir dengan dihadiri oleh 13 orang ulama yang berpengaruh mencari ikhtiar untuk meminta mereka keluar dan menghapuskan perlawanan-perlawanan kepada bangsa sendiri iaitu

dengan menaburkan risalah-risalah kepada mereka itu.

Setelah dibahas dengan panjang lebar maka surat-surat seruan telah dipersetujui dibuat dan untuk membuatnya diserahkan kepada HAMKA dengan dibantu oleh Kiyai Hasan. Tetapi kemudiannya dengan syor Kiyai Hasan surat itu dibuat masing-masing dan kemudian dibawa kepada permesyuaratan semula untuk dipersetujukan. Esoknya sebelum pergi bermesyuarat kedua mereka itu (HAMKA dan Kiyai Hasan) bersama-sama pergi di dalam sebuah motor kar dan di sana risalah Kiyai Hasan dibaca oleh HAMKA yang kemudian memersetujui risalah itu dan memersetujuinya sebagai itulah risalah yang perlu disiarkan.

Risalah itu mengandungi suatu cara menimbangrasa atas tujuan-tujuan yang dijalankan oleh Dār al-Islām menuntut negara Islam tetapi pihak ulama-ulama berpendapatan bawaannya adalah salah oleh kerana ada suatu jalan yang lain yang boleh menyampaikan kepada tujuan-tujuan itu dengan membawa kerjasama mengikut undang-undang dan dasar-dasar yang dibenarkan Islam mengambil kemerdekaan itu dengan cara yang lebih aman sempurna.

Oleh kerana risalah itu seolah-olah menimbangrasa maka dengan tidak memandang cara-cara berawalur bertarik Kiyai Haji Abdul Wahab dari Nadhlatul Ulama membantah (entah takut dipandang menunjukkan kerjasama atau bertimbang rasa kepada pertubuhan itu atau lain-lainnya) tidak suka ada tersebut “timbang rasa” tetapi hendaklah di dalam risalah-risalah itu ditunjukkan kesalahan-kesalahan mereka sahaja. Yang demikian dibantah oleh Kiyai Hasan oleh kerana kalau kita tunjukkan kesalahan sahaja mereka tidak mahu hampir tetapi jikalau kita tunjukkan timbang rasa kemudia menerangkan kesalahan-kesalahannya harus mereka akan berfikir untuk menyertai kita.

Akhirnya Kiyai Hasan tidak mahu mengubah kandungan risalah itu dan sekiranya dibuat risalah lain mengikut cara Kiyai Abdul Wahab, ia tidak mahu bersama-sama menanda tangani risalah itu dan yang demikian langkah-langkah itu pun terdiam dan tidak jadi dibuat. (bersambung)

JUBILEE CAFE & RESTAURANT

771/773 North Bridge Road.

Singapore 7.

Selazat-lazat kedai makan Islam di Singapura

Bersih rehat di bandar

harga berpatutan layanan tertib

Briyani ayam dan kambing

dan serba serbi kari Islam

boleh menyediakan kerana jamuan-jamuan

SILALAH KE JUBILEE

tuan punyanya: Usman dan Sultan

Sesungguhnya Allah tutup pintu taubat itu daripada tiap-tiap ahli bida'ah sehingga ia meninggalkan bida'ahnya – (maksud hadis riwayat ibn Mājah)

*

Sebaik-baik sahabat pada sisi Allah ialah yang amat baik di antara mereka kepada sahabat-sahabatnya, dan sebaik-baik jiran pada sisi Allah ialah yang amat baik di antara mereka kepada jiran-jirannya. (hadis hasan riwayat Ahmad, Tirmidhī dan Hākim)

*

Barangsiapa dikurniakan terus bersyukur, diuji lalu sabar, menganiayai lalu minta ampun, dianiayai lalu memaafkan kemudian Nabi diam, maka sahabat-sahabat bertanya: ya Rasulullah mengapa diam? Rasulullah menjawab: mereka itulah akan mendapat keamanan dan terpimpin (hadis riwayat Ṭabrānī).